



KOLEJ CANSELOR
CHANCELLOR COLLEGE

Rujukan Kami : UPM.KC.700-4/1/2
Tarikh : 13 Julai 2026

Semua Pelajar
Kolej Canselor
Universiti Putra Malaysia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara/Saudari,

CUTI AKHIR SEMESTER KEDUA SESI 2025/2026

Adalah dimaklumkan bahawa cuti di atas akan bermula dari **27 Julai (Isnin) sehingga 04 Oktober 2026 (Ahad) selama sebelas (11) minggu**. Sehubungan itu semua pelajar Kolej Canselor dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

1. MENGOSONGKAN BILIK

a) Sebelum pelajar menyerahkan kunci bilik di Pejabat Pentadbiran Kolej Canselor, pelajar perlu memastikan dan melaksanakan perkara seperti berikut:-

- i. Bilik dalam keadaan bersih tiada sampah.
- ii. Perabot disusun atur seperti asal.
- iii. Almari dikosongkan, bersih dan jangan dikunci.
- iv. Semua poster ditanggalkan.
- v. Suis lampu, kipas dan soket hendaklah dimatikan.
- vi. Tingkap hendaklah ditutup dan pintu bilik dikunci.

b) Kegagalan bertindak perkara (a) di atas akan dikenakan denda **RM 50.00**.

2. PEMULANGAN KUNCI BILIK

a) Pemulangan kunci boleh dilakukan pada waktu pejabat di Pejabat Pentadbiran Kolej. Tarikh pemulangan kunci adalah seperti butiran berikut:-

Tarikh : 25 Julai sehingga 26 Julai 2026 (Sabtu dan Ahad)
Masa : 8.30 pagi hingga 4.30 petang
Tempat : Dewan Canselor, Kolej Canselor

b) Kegagalan pelajar bertindak perkara (a), bayaran akan dikenakan RM 4.00 setiap hari sehingga bilik dikosongkan dan kunci dipulangkan.

**** Pelajar tidak dibenarkan memulangkan kunci bilik bagi pihak kawan atau rakan sebilik. Jika perkara ini berlaku, pelajar boleh dikenakan tindakan denda sebanyak RM50.00 setiap seorang.**

3. PENGINAPAN SEMASA CUTI

Blok Mahsuri dan Blok Keranji akan dijadikan bilik penginapan sepanjang cuti semester ini. Pelajar yang ingin menginap semasa cuti dikehendaki untuk mengisi **Borang Permohonan Penginapan Semasa Cuti Semester selewat-lewatnya pada 19 Julai 2026** dan mendaftar di Pejabat Kolej serta membuat bayaran sebelum penginapan bermula melalui aplikasi **RHB Reflex**. Permohonan melebihi / selepas tarikh 19 Julai 2026 tidak akan dipertimbangkan. Tindakan tegas akan diambil terhadap pelajar-pelajar yang didapati tinggal tanpa kebenaran atau menumpang orang lain.

4. PERALATAN KOLEJ

Semua peralatan kolej yang dipinjam terutamanya alatan sukan, kebudayaan, elektrik dan alatan lain hendaklah dipulangkan **sebelum atau pada 24 Julai 2026 (Jumaat)**.

5. TEMPAT MENYIMPAN BARANG

Pelajar digalakkan membawa balik semua peralatan kepunyaan sendiri. Walau bagaimanapun, pihak kolej ada menyediakan stor untuk kemudahan penyimpanan barang. Barang-barang hendaklah disimpan di stor yang telah dikhaskan:

Blok Malinja Tingkat 1,2 & 3	- Bilik Belajar
Blok Murni Tingkat Bawah 1,2 & 3	- Bilik Belajar
Blok Masria Tingkat 1,2 & 3	- Bilik Belajar
Blok Mahsuri Tingkat Bawah 1, 2 & 3	- Bilik Belajar
Blok Salak,Cermai,Delima dan Keranji	- 2 unit stor di aras 1

6. PENDAFTARAN KOLEJ BAGI SEMESTER PERTAMA 2026/2027

Pelajar tidak dibenarkan pulang awal. Pelajar hanya boleh mendaftar dan mengambil kunci pada tarikh seperti berikut:

Tarikh	:	03 & 04 Oktober 2026 (Sabtu & Ahad)
Masa	:	8.30 pagi hingga 4.30 petang
Tempat	:	Dewan Canselor, Kolej Canselor

***** Pelajar tidak dibenarkan mengambil kunci bagi pihak kawan atau rakan sebilik. Jika perkara ini berlaku, pelajar boleh dikenakan tindakan denda sebanyak RM50.00 setiap seorang.***

Akhir kata saya dan semua kakitangan Kolej Canselor ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan **"Selamat bercuti, jaga kesihatan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia"**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERILMU BERBAKTI"

"CEMERLANG. GEMILANG. TERBILANG"

Saya yang menjalankan amanah,


TS. DR. SYED AGIL BIN SHEKH ALSAGOFF

Pengetua

Kolej Canselor

Universiti Putra Malaysia

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UPM
 - Pengarah Keselamatan, UPM
 - Felo dan Penolong Felo Kolej Canselor
 - Presiden MPK Kolej Canselor